



31 Oktober 2014
31 October 2014
P.U. (A) 285

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PENANDAAN PASANGAN PELAPIK BREK GANTIAN) 2014

TRADE DESCRIPTIONS (MARKING OF REPLACEMENT BRAKE LINING ASSEMBLY) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERIHAL DAGANGAN 2011

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN
(PENANDAAN PASANGAN PELAPIK BREK GANTIAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 29(1)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Pasangan Pelapik Brek Gantian) 2014.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 November 2015.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“kod pengenalan” ertinya suatu kod yang digunakan untuk mengenal pasti pasangan pelapik brek asli yang mengandungi sekurang-kurangnya nama dagangan atau cap dagangan pengilang, dan nombor pengenalan;

“pasangan pelapik brek” ertinya suatu komponen brek geseran yang ditekan ke atas suatu gelendong atau cakera untuk menghasilkan daya geseran;

“pasangan pelapik brek asli” ertinya suatu pasangan pelapik brek yang mempunyai nama dagangan atau cap dagangan pengilang, dan kod pengenalan, yang sama dengan nama dagangan atau cap dagangan pengilang, dan kod pengenalan, bagi pasangan pelapik brek yang dipasang pada kenderaan semasa pengilangan kenderaan itu;

“pasangan pelapik brek gantian” ertinya suatu pasangan pelapik brek yang digunakan untuk menggantikan pasangan pelapik brek asli;

“pengilang” ertinya suatu organisasi yang mengeluarkan pasangan pelapik brek asli.

Ketidakpakaian

3. Perintah ini tidak terpakai bagi—
 - (a) pasangan pelapik brek asli yang digunakan untuk penyenggaraan kategori kenderaan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;
 - (b) pasangan pelapik brek gantian yang digunakan untuk sampel pengujian; dan
 - (c) pasangan pelapik brek gantian yang dikilangkan atau diimport sebelum 1 November 2015.

Penandaan pasangan pelapik brek gantian

4. Pasangan pelapik brek gantian yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan bagi kategori kenderaan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah—
 - (a) mematuhi—
 - (i) Standard Malaysia MS 1164 atau peraturan 90 Suruhanjaya Ekonomi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Eropah; dan
 - (ii) kehendak spesifikasi di bawah kaedah 15 Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 [L.N. 170/1959]; dan
 - (b) mempunyai tanda yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua mengikut standard yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Kedua, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pembatalan

5. Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Barang Ganti Pelapik Brek) 2013 [P.U. (A) 330/2013] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA**KATEGORI KENDERAAN**

(1) <i>Kategori Kenderaan</i>	(2) <i>Perihalan</i>
M1	Kenderaan penumpang persendirian dengan lapan tempat duduk atau kurang termasuk tempat duduk pemandu
M2	Kenderaan penumpang persendirian dengan lebih daripada lapan tempat duduk termasuk tempat duduk pemandu

JADUAL KEDUA**PENANDAAN PASANGAN PELAPIK BREK GANTIAN**

(1) <i>Tanda</i>	(2) <i>Standard</i>
 SIRIM MS 1164 YYYY YYYY – Nombor Pensijilan	Standard Malaysia MS 1164 – Kenderaan Darat – Pasangan Pelapik Brek Gantian dan Pelapik Brek Gelendong bagi Kenderaan Pacuan Kuasa – Spesifikasi